| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | **Al Muqarram komersialkan serai masakan** | | |
| Date | **03 Oct 2009** | Language | **Malay** |
| MediaTitle | **Berita Harian** | Page No | **24,25** |
| Section | **Ekonomi** | Article Size | **996 cm$^2$** |
| Journalist | **Ahmad Fiesal Othman** | Color | **Full Color** |
| Frequency | **Daily** | ADValue | **21,127** |
| Circ / Read | **192,917 / 1,521,000** | PRValue | **63,382** |





WAN Fadzillah mempamerkan produk keluaran Al Muqarram.

# Al Muqarram komersialkan serai masakan

## Syarikat tawar peluang perniagaan kepada individu berminat jadi ejen pengedaran 20 jenis produk herba tempatan

**PELUANG NIAGA**

Oleh Ahmad Fiesal Othman
fsal@bharian.com.my



SERAI masakan adalah bahan utama produk Al Muqarram.



*"Bagi memastikan nilai serta kepentingan serai sentiasa dipulihara, kami mempelbagaikan khasiat serai daripada sudut komersial berikutan kesedaran mengenai kebaikannya yang sudah lama disedari masyarakat luar."*

**Wan Fadzillah Hana Wan Sidik**
*Pengarah Urusan*
*Al-Muqarram Holdings Sdn Bhd*

AL-MUQARRAM Holdings Sdn Bhd (Al-Muqarram), pengusaha produk makanan, masakan, teh dan kebersihan berasaskan serai, mempelawa syarikat atau pihak yang berminat untuk menjadi pengedar atau ejen dalam membantunya mengembangkan pasaran di dalam dan luar negara.

Pengarah Urusannya, Wan Fadzillah Hana Wan Sidik, berkata produk serai keluaran syarikat itu yang kini berjumlah lebih 20 jenis, mendapat sambutan menggalakkan berikutan keunikannya yang menggunakan serai sebagai bahan utama, bukan sebagai bahan sampingan.

Katanya, serai yang digunakan bukan jenis serai wangi, sebaliknya serai masakan (Cymbopogon Citratus) yang menjadi bahan utama kepada masakan tradisional masyarakat Asia seperti Melayu, Cina, India dan Indonesia.

Beliau berkata, Al-Muqarram ketika ini memasarkan produk secara sendiri dan langkah menawarkan peluang perniagaan sebagai pengedar atau ejen itu dilihat sebagai satu daripada cara terbaik memperluaskan pasaran produk syarikat.

"Kami mahu produk kami yang menggunakan jenama 'Serai' boleh didapati dengan mudah seperti di kedai runcit dan pasar raya biasa di seluruh negara," katanya dalam temu bual di pejabatnya di Damansara, Petaling Jaya, Selangor baru-baru ini.

Al-Muqarram yang ditubuhkan pada September 2004 adalah syarikat pegangan pelaburan yang terbabit, terutama dalam pengeluaran produk bioteknologi.

Ketika ini tumpuan utama syarikat itu ialah mengeluarkan produk berkualiti daripada serai yang boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu untuk masakan, minuman dan produk kesihatan untuk spa.

Ia mula memasarkan produk serai keluarannya pada 2005 dan ketika ini produk terbabit boleh didapati di pasar raya besar Carrefour, Tesco dan Giant di seluruh negara.

Wan Fadzillah berkata, produk serai keluaran Al-Muqarram dihasilkan selepas menjalani kajian teliti serta proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dijalankan dengan kerjasama beberapa agensi terkenal kerajaan serta universiti tempatan.

Katanya, kejayaan Al-Muqarram setakat ini adalah kerana wujudnya bimbingan, nasihat dan galakan serta bantuan berupa teknikal dan kewangan daripada agensi kerajaan seperti Smidec, Frim, Mardi, Jabatan Pertanian Selangor, Mara dan beberapa lagi yang sentiasa memberi perhatian yang menggalakkan kepada syarikat.

"Produk Al-Muqarram dihasilkan di kilang kami di daerah Kuala Selangor, Selangor, yang beroperasi hampir sepenuhnya menggunakan mesin dan kini dalam proses untuk ditingkatkan bagi memperoleh status amalan perkilangan baik (GMP)," katanya.

Ditanya potensi serai untuk meraih pasaran lebih meluas di dalam dan luar negara, beliau berkata, serai secara tradisionalnya sudah lama bertapak di negara ini dan digunakan sebagai ubat-ubatan serta diiktiraf masyarakat Melayu sebagai satu keperluan dalam kehidupan seharian.

"Bagi memastikan nilai serta kepentingan serai sentiasa dipulihara, kami mempelbagaikan khasiat serai daripada sudut komersial berikutan kesedaran mengenai kebaikannya yang sudah lama disedari masyarakat luar," katanya.

Wan Fadzillah menambah, selain usaha untuk mengembangkan lagi pasaran di dalam negara, syarikat juga dalam perancangan meluaskan pasarannya ke luar negara, terutama di negara jiran dan Asia Barat dengan melantik beberapa syarikat sebagai pengedarnya.

"Produk kami mendapat sambutan menggalakkan daripada pelanggan luar negara setiap kali syarikat menyertai pameran dan promosi produk berasaskan serai," katanya yang berharap dapat memasarkan produknya ke luar negara secepat mungkin.

Wan Fadzillah menambah, Al-Muqarram berhasrat memperbanyakkan lagi produk keluarannya termasuk bahan asas yang boleh digunakan sebagai perasa dalam kordial, biskut dan gula-gula.

"Produk seperti ini sudah ada di pasaran tetapi kami berhasrat untuk memberi nilai tambah meningkatkan lagi produk berkenaan menerusi R&D," katanya.

Al-Muqarram turut memasarkan produknya secara dalam talian dan maklumat lanjut mengenai syarikat dan produknya boleh layari www.lemongrassworld.com.